

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

24
JUL

PERSATUAN ALUMNI USM ANJUR PROGRAM BALIKAMPUS 29 OGOS 2015



PULAU PINANG, 24 Julai 2015 - Persatuan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) akan mengadakan Program Balikampus pada 29 Ogos ini dan menjemput bekas pelajar USM untuk turut serta.

Presiden Persatuan Alumni USM Profesor Tan Sri Dzulkifli A. Razak berkata, Program Balikampus dianjurkan secara dwi-tahunan pada setiap tahun ganjil sejak 2003 untuk menghimpunkan para alumni USM di dalam dan luar negara dalam suasana santai dan persahabatan.

"Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengajak alumni kembali semula ke kampus bagi mengenang semula nostalgia sepanjang mereka mengikuti pengajian di USM," kata Dzulkifli.

Program Balikampus 2015 bertemakan "AUSM is AWESOME" akan diadakan di Kampus Induk USM Pulau Pinang yang menyediakan pelbagai program menarik untuk disertai oleh alumni USM.

"Kami mengalu-alukan kedatangan para alumni balik ke Kampus USM," kata Dzulkifli lagi.

Borang penyertaan boleh dimuat turun di <https://drive.google.com/open?id=0Bzd6VxniFUFcZUh4ckJiWm5YU28> (<https://drive.google.com/open?id=0Bzd6VxniFUFcZUh4ckJiWm5YU28>)

Pertanyaan/maklumat lanjut, boleh diperolehi dengan menghubungi Sekretariat Persatuan Alumni USM di talian 019-5222 3689 atau 013-471 1243.



Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015